

Kerjasama Hong Kong, ASEAN diperkukuh

Port Dickson: Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertemu dengan John Lee Ka-chiu, Ketua Eksekutif Wilayah Pentadbiran Khas Hong Kong (HKSAR) di sini, untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama, lapor *Xinhua*.

Anwar berkata, beliau membincangkan isu kepentingan, termasuk perdagangan, pelaburan, kewangan, sistem rel transit, pendidikan dan kerjasama pelancongan dengan Lee.

Malaysia rakan perdagangan kesembilan terbesar Hong Kong dan negara ketiga terbesar dalam ASEAN dan Lee berkata, perdagangan dua hala antara kedua-dua pihak mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak AS\$28.1 bilion tahun lalu.

Beliau menambah, HKSAR akan mengukuhkan lagi kerjasama dan pertukaran dengan Malaysia dalam bidang seperti perdagangan, pelaburan, inovasi dan teknologi serta budaya dan pelancongan.

Lee mengetuai delegasi ke Singapura, Indonesia dan Malaysia untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara Hong Kong dan negara anggota ASEAN.

Dalam perkembangan lain, Anwar memaklumkan, Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah akan melawat Malaysia minggu

hadapan, antara lain bagi menandatangani perjanjian termasuk perjanjian pelaburan ke Malaysia yang pastinya memberi impak positif kepada negara.

"Dalam masa lapan bulan saya jadi Perdana Menteri, sudah dua kali Sultan Brunei datang ke Malaysia. Kita buat kerja kita, pelaburan itu penting, tak ada pelaburan, kita tak ada fulus

(wang)," katanya.

Anwar memaklumkan demikian ketika berucap pada program Jelajah Perpaduan MADANI dan Pelancaran Jentera Perpaduan Negeri Sembilan, di sini malam kelmarin.

Sebelum ini, Perdana Menteri berkata, syarikat automotif China, Geely juga menghantar surat kepada beliau memaklumkan

mengenai kerjasama pelaburan berjumlah AS\$10 bilion untuk menjadikan Tanjung Malim, Perak sebagai kota automobil terbesar di rantau ini.

"Kalau Perikatan Nasional nak jerit atau maki, Anwar bohong, tipu, saya nak beritahu surat itu saya boleh edarkan. John Lee Ka-chiu bawa setengah Jemaah Menteri datang bincang terma-

suk untuk tingkatkan pelaburan dan pelancongan. Ini kerana dasar negara kita stabil," katanya.

Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) optimis Negeri Sembilan masih kubu kuat PH, termasuk Dewan Undangan Negeri (DUN) di Port Dickson yang perlu dikekalkan oleh parti dalam Kerajaan Perpaduan.

BERNAMA



Anwar bersama Lee ketika menerima kunjungan hormat Ketua Eksekutif HKSAR di Bangunan Perdana Putra, kelmarin. (Foto BERNAMA)